



## جابتن مفتي نكري قهغ

قوله تعالى:

فَسَأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Soalan:

Assalamualaikum, disini terdapat beberapa soalan :

1. Apakah hukum peserta korban menjual daging atau mana-mana anggota haiwan yang telah dikorbankan?
2. Apakah hukum penerima daging korban yang merupakan golongan kaya menjual daging atau anggota haiwan?
3. Apakah hukum bagi penganjur ibadah korban menjual lebih daging dan anggota haiwan tersebut kepada pihak ketiga seperti syarikat?
4. Apakah hukum pihak ketiga membeli lebih lebih daging tersebut?
5. Apakah hukum pihak ketiga mengumpul lebih yang ingin dibuang untuk diproses dan dijual?
6. Apakah hukum membelanjakan hasil jualan lebih daging korban untuk diri sendiri atau diserahkan kepada fakir miskin?

و عليكم السلام ورحمة الله وبركاته : Jawapan :

Ibadah korban adalah amalan yang sering dilakukan oleh Nabi Muhammad ﷺ sebagai galakan kepada umatnya. Hal ini dapat dibuktikan melalui sebuah hadis Baginda Rasulullah ﷺ daripada Al-Barra' bin A'zib :

" إِنَّ أَوَّلَ مَا نَبَدْنَا بِهِ فِي يَوْمِنَا هَذَا أَنْ نُصَلِّيَ، ثُمَّ نَرْجِعَ، فَنَتَخَرَّ، فَمَنْ فَعَلَ ذَلِكَ فَقَدْ أَصَابَ سُنَّتَنَا. "

Bermaksud : *"Perkara pertama yang kami lakukan pada Aidiladha ialah solat (hari raya), kemudian kami pulang untuk korbankan binatang, sesiapa sahaja dalam kalangan kamu yang berbuat demikian, maka kamu mendapat sunah kami, (Riwayat Bukhari (968) dan Muslim (1961))."*

Bahkan ia juga merupakan galakan daripada firman Allah SWT dalam surah al-Kausar ayat 2 dan surah al-Hajj ayat 28 :

فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَانْحَرْ

Bermaksud : *Maka laksanakanlah solat kerana Tuhanmu, dan berkorbanlah (sebagai ibadah dan mendekatkan diri kepada Allah).*

فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطِعُوا الْبَائِسَ الْفَقِيرَ

Bermaksud : *Maka makanlah sebahagian dari (daging) binatang-binatang korban itu dan (sebahagian lagi) berikanlah untuk dimakan oleh orang-orang yang susah dan fakir miskin.*

Namun begitu, terdapat beberapa permasalahan yang mungkin atau sering berlaku kepada masyarakat Islam khususnya di negara tercinta ini. Sehubungan dengan itu, kami perincikan permasalahan tersebut sebagaimana persoalan yang diajukan oleh pihak tuan diiringi dengan jawapan.

1. Hukum peserta korban menjual daging atau anggota-anggota haiwan yang telah dikorbankan seperti kulit, bulu, tanduk dan tulang.

Dalam sebuah hadis Rasulullah ﷺ daripada Abu Hurairah bersabda :

"مَنْ بَاعَ جِلْدَ أُضْحِيَّتِهِ فَلَا أُضْحِيَّةَ لَهُ."

Bermaksud : *"Barang siapa yang menjual kulit haiwan korbannya maka korbannya tidak diterima."* (Riwayat: al-Hakim & al-Baihaqi)

Hadis tersebut menjelaskan secara tegas bahawa menjual daging sampai dengan kulit, bulu, tanduk dan tulang dari haiwan korban merupakan perbuatan yang tidak dianjurkan. Hal ini kerana korban itu sendiri merupakan persembahan untuk Allah SWT.

Hal ini disebutkan oleh Taqiyuddin Al-Hushni Al-Husaini dalam Kifayatul Akhyar seperti petikan di bawah ini :

"وَاعْلَمْ أَنَّ مَوْضِعَ الْأُضْحِيَّةِ الْإِنْتِفَاعَ فَلَا يَجُوزُ بَيْعُهَا بَلْ وَلَا بَيْعُ جِلْدِهَا وَلَا يَجُوزُ خَعْلُهُ أَجْرَةً لِلْجَزَارِ."

Bermaksud : *"ketahuilah, sesungguhnya korban yang bermanfaat itu tidak harus menjualnya, kulitnya dan menyediakan upah pada penyembelihnya."*

(Lihat Taqiyuddin Al-Hushni Al-Husaini, Kifayatul Akhyar fi Halli Ghayatil Ikhtishar, Beirut, Darul Basyair, tahun 2001, halaman 634)

Menurut pendapat Darul Ifta' el-Misriyyah dalam laman sesawangnya, telah menjawab hampir 60 soalan berkenaan dengan ibadah korban. Antaranya termasuk persoalan yang hampir sama diajukan oleh pihak tuan. Mereka menjawab :

"جَمْعُ جُلُودِ الْأُضْحِيَّةِ مِنْ أَصْحَابِ الْأَصْحَابِ صَدَقَةٌ مِنْهُمْ وَتَبَرُّعًا لِلْأَغْرَاضِ الْمَذْكُورَةِ جَائِزٌ، وَالْمَمْنُوعُ عِنْدَ الْأَكْثَرِينَ إِنَّمَا هُوَ أَنْ يَبِيعَ صَاحِبُ الْأُضْحِيَّةِ شَيْئًا مِنْهَا لِيَنْتَفِعَ بِهِ بِشَيْءٍ، فَعَنْ عَلِيٍّ قَالَ: «أَمَرَنِي رَسُولُ اللَّهِ ﷺ أَنْ أَقُومَ عَلَى بُدْيِهِ، وَأَنْ أَتَصَدَّقَ بِلَحْمِهَا وَجُلُودِهَا وَأَجَلَّتْهَا وَأَنْ لَا أُعْطِيَ الْجَزَارَ مِنْهَا، قَالَ: نَحْنُ نُعْطِيهِ مِنْ عَيْنِنَا». وَأَمَّا أَنْ يَتَصَدَّقَ الْمَضْحِي بِجِلْدِ أُضْحِيَّتِهِ أَوْ بِشَيْءٍ مِنْهَا فِي الْأَغْرَاضِ الْمَذْكُورَةِ فَتَبَاعٌ وَيُصْرَفُ ثَمَنُهَا فِي ذَلِكَ فَهُوَ جَائِزٌ."

Bermaksud : “mengumpulkan semua kulit binatang korban daripada tuannya bertujuan untuk dijadikan sebagai sedekah dan tabarru’ (ke arah kebaikan) adalah harus hukumnya. Cuma yang **dilarang** oleh majoriti ulama’ ialah tuan korban menjualnya untuk mendapatkan manfaat nilainya untuk diri sendiri. Berdasarkan hadis daripada Saidina Ali R.A. berkata : (Rasulullah saw telah perintahkan saya supaya menjaga(menguruskan) binatang korbannya, bahawa saya harus memberikan daging mereka, kulit dan kain pelana sebagai sedekah, tetapi tidak memberikan apa-apa kepada tukang daging, dengan mengatakan: Kami akan membayarnya sendiri). Jika tuan korban tadi sedekahkan kulit dan selainnya bertujuan kearah kebaikan, lalu pihak yang menerima tadi menjual (apa yang telah diberi oleh tuan korban tadi), dan menguruskan nilaiannya ke arah kebaikan maka hukumnya **harus**.”

2. Hukum penerima dari golongan kaya (bukan fakir miskin) menjual daging atau anggota anggota haiwan korban yang diterimanya, sama ada yang mentah, dimasak atau diolah menjadi perkara-perkara lain seperti dibuat alat-alat daripada kulit, tanduk dan tulangnya.

Berbeza dengan golongan fakir dan miskin, orang kaya adalah **tidak dibolehkan atau ditegah** daripada menjual daging atau apa-apa bahagian daripada korban yang diberikan kepadanya kerana menurut Habib Abdul al Rahman Ba'alawi yang bermaksud:

"Orang fakir boleh menggunakan tasharruf (memuliakan) daging korban yang ia terima walaupun untuk menjualnya kepada pembeli, kerana itu sudah menjadi miliknya atas barang yang ia terima. Berbeza dengan orang kaya. Ia tidak boleh menjualnya, namun hanya boleh mentasharrufkan pada daging yang telah dihadiahkan kepada dia untuk samaada dimakan, sedekah, menjamu tetamu walaupun kepada tetamu orang kaya. Kerana orang kaya mempunyai kedudukan seperti orang yang berkorban pada dirinya sendiri. Demikianlah yang dikatakan dalam kitab *At-Tuhfah dan An-Nihayah*." (Lihat Bughyatul Mustarsyidin, Darul Fikr, hal. 423).

3. Hukum bagi penganjur ibadah korban menjual lebih-lebihan daging dan anggota haiwan korban kepada pihak ketiga seperti syarikat yang membeli kulit dan tulang.

**Penganjur:** Taraf mereka boleh dikiaskan kepada wakil orang yang melakukan korban. Iaitu mereka menerima wakalah daripada orang yang berkorban. Jika ini kedudukan mereka, maka seperti orang yang melakukan korban maka di dalam mazhab Syafie yang muktamadnya adalah **haram** bagi mereka menjual lebih-lebihan daging dan anggota haiwan korban kepada pihak ketiga seperti syarikat yang membeli kulit dan tulang.

Akan tetapi jika penganjur adalah tarafnya fakir atau miskin dan pemilik korban memberikan kepadanya semua lebihan binatang korban itu seperti kulit, tulang, bulu dan sebagainya maka **harus** baginya untuk menjual barang-barang itu kerana ketika itu sisa-sisa tersebut adalah miliknya. Dan, jualbeli tersebut adalah sah dan dia berhak menggunakan hasil tersebut untuk diri dan keluarganya.

4. Masalah berkaitan pihak ketiga, membeli lebihan-lebihan daging atau bahagian-bahagian haiwan korban daripada penganjur-penganjur ibadah korban untuk diproses atau diolah bagi kegunaan lain kemudian dijual seperti membuat peralatan kulit atau menghasilkan gelatin.

Jualbeli berlaku kerana adanya permintaan dan barang yang ingin dijual (demand and supply). Muktamad di dalam mazhab Syafie bahawa anggota binatang korban adalah **haram** untuk dijual oleh tuan punya korban atau wakilnya. Namun seandainya penganjur itu bertaraf fakir atau miskin dan telah disedekahkan atau dihadiahkan bahagian tersebut kepada penganjur itu, maka **harus** bagi dia untuk menjualnya kepada sesiapa jua pun.

5. Masalah berkaitan pihak ketiga, mengumpulkan (tiada bayaran) lebihan-lebihan daging atau anggota-anggota haiwan korban yang ingin dibuang oleh penganjur-penganjur ibadah korban untuk diproses atau diolah bagi kegunaan lain kemudian dijual seperti membuat peralatan kulit atau menghasilkan gelatin.

**Harus** hukumnya bagi pihak ketiga tersebut mengumpulkan (tiada bayaran) lebihan-lebihan daging atau anggota-anggota haiwan korban yang ingin dibuang oleh penganjur-penganjur ibadah korban untuk diproses atau diolah bagi kegunaan lain kemudian dijual seperti membuat peralatan kulit atau menghasilkan gelatin. Ini kerana sisa-sisa tersebut sudah tidak dikehendaki lagi oleh penganjur yang menjadi wakil orang yang berkorban.

“وَإِنْ كَانَتْ تَطْوَعًا بَلْ يَتَصَدَّقُ بِهِ الْمُضْحِي أَوْ يَتَّخِذُ مِنْهُ مَا يَنْتَفِعُ بِهِ مِنْ خُفٍّ أَوْ نَعْلٍ أَوْ دَلْوٍ أَوْ غَيْرِهِ وَلَا يُؤَجَّرُهُ وَالْقَرْنُ كَالْجِلْدِ وَعِنْدَ أَبِي حَنِيفَةَ رِجْمَةُ اللَّهِ أَنَّهُ يَجُوزُ تَبْعُهُ وَيَتَصَدَّقُ بِتَمِيمِهِ وَأَنْ يَشْتَرِيَ بِعَيْنَيْهِ مَا يَنْتَفِعُ بِهِ فِي الْبَيْتِ لَنَا الْقِيَامُ عَلَى اللَّحْمِ وَعَنْ صَاحِبِ التَّفْرِيغِ جَوَابًا قَوْلَ غَرِيبٍ أَنَّهُ يَجُوزُ تَبْعُ الْجِلْدِ وَيُصْرَفُ ثَمَنُهُ مَصْرُفَ الْأَضْحِيَّةِ. وَاللَّهُ أَعْلَمُ”

Bermaksud : “jika seseorang melakukan korban sunat, maka tuan korban boleh bersedekah atau jadikan sebagai manfaat untuknya seperti setokin, kasut, timba atau selainnya dan tidak ada upah untuknya. Manakala tanduk, hukumnya sama seperti kulit. Di sisi Imam Abu Hanifah berpendapat sesungguhnya harus menjualnya dan menyedekahkan nilainya. Begitu juga boleh membeli barang (hasil dari tanduk atau kulit korban) tadi, dijadikan sebagai barang yang bermanfaat di rumah kita dikiaskan dengan daging korban. Menurut tuan kitab

*Taqrib merakamkan pandangan ini merupakan pandangan yang pelik. Sesungguhnya harus jual kulit binatang korban dan menguruskan nilainya untuk pengurusan penyembelihan korban tersebut”.*

(Lihat Taqiyyudin Al-Hushni Al-Husaini, Kifayatul Akhyar fi Halli Ghayatil Ikhtishar, Beirut, Darul Basyair, tahun 2001, halaman 634)

6. Masalah berkaitan penganjur atau pihak ketiga menjual lebih daging dan anggota-anggota haiwan korban sama ada wang hasilnya boleh dibelanjakan untuk diri sendiri atau diserahkan kepada fakir miskin.

Di dalam mazhab al Syafie adalah muktamad menjual anggota-anggota atau bahagian binatang korban adalah haram (sila rujuk jawapan no 1).

Namun seandainya perkara tersebut telah dilakukan maka wang atau hasilnya hendaklah diberikan kepada fakir dan miskin kerana pada anggota-anggota haiwan tersebut adalah hak milik mereka (fakir dan miskin).

Rujukan :

1. Al-Quran dan terjemahan.
2. Kifayatul Akhyar fi Halli Ghayatil Ikhtishar.
3. Bughyatul Mustarsyidin, Darul Fikr.
4. <https://www.aliftaa.jo/Question2.aspx?QuestionId=3580#.YM4qC-gzbiU>.
5. Sahih Bukhari
6. Sahih Muslim